

● 2,500 penduduk terjejas

● Terburuk sejak 1970

Banjir landa Batang Kali

Oleh WAN NOOR HAYATI
WAN ALIAS
pengarang@utusan.com.my

HULU SELANGOR 7 Mei - Seramai 47 penduduk terperangkap dalam rumah masing-masing apabila banjir melanda kediaman mereka di daerah ini yang disifatkan terburuk sejak 1970, berikutan hujan lebat tanpa henti sejak awal pagi ini.

Mereka merupakan sebahagian daripada 2,500 penduduk terdiri daripada 150 keluarga yang terjejas teruk selepas kediaman masing-masing dinaiki air sehingga mencecah paras dua meter di 14 buah kampung dan taman perumahan di daerah itu.

Kejadian itu dilaporkan kepada pihak bomba pada pukul 4.55 pagi sebelum kira-kira 109 anggota penyelamat termasuk 45 anggota bomba dikerahkan ke lokasi kejadian.

Kesemua mangsa yang terperangkap selama hampir dua jam di rumah masing-masing akhirnya diselamatkan pasukan bomba yang menggunakan lima bot penyelamat dan dibawa ke lokasi selamat.

Menurut Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor, Mohd. Sani Harul, kawasan yang terjejas adalah Kampung Ulu Kalong, Kampung Genting



KAWASAN sekitar Masjid As-Sajidin turut di tenggelami air di Batang Kali, Selangor, semalam. - UTUSAN/WAHIDAH ZAINAL

Malek, Kampung Masjid dan Lorong Haji Nordin.

Turut terjejas adalah Kampung Batu 30, Kampung Tengah, Kampung Sungai Manis, Kampung Sekolah, Taman Seri Cahaya, Kampung Ulu Yam Baru, Jalan Kampung Kuantan, Jalan Batang Kali, Kampung Sentosa dan Kampung Me-

nyorok.

Katanya, tiada kecederaan dilaporkan dalam bencana itu.

“Dua kawasan terjejas teruk iaitu Kampung Genting Malek dan sekitar pekan Batang Kali.

“Seorang lelaki warga emas berusia 70 tahun yang lumpuh dan terperangkap dalam rumahnya ber-

jaya diselamatkan dalam operasi tersebut,” katanya di pusat gerakan banjir yang beroperasi di Terminal Bas dan Teksi Batang Kali.

Selain itu, beliau berkata, dua lagi mangsa telah dipindahkan ke balai polis berdekatan akibat rumah mereka rosak teruk ditenggelami air dan lumpur.

“Kejadian tersebut turut mengakibatkan jalan dari arah Serendah menghala ke Kuala Kubu Bharu sesak teruk.

“Air mulai surut kira-kira 10.30 pagi. Bagaimanapun operasi pemantauan dan rondaan masih diteruskan sehingga pukul 2 petang,” katanya.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di lokasi kejadian mendapati kediaman-kediaman yang terjejas dimasuki air sehingga menyebabkan perabot, peralatan elektrik serta kenderaan rosak teruk serta dipenuhi lumpur.

Dalam pada itu, seorang mangsa banjir, Isa Mustapha, 47, menceritakan kejadian itu merupakan yang terburuk selepas satu kejadian banjir melanda daerah itu kira-kira 42 tahun lalu.

Beliau yang menetap di Kampung Batu 30, menyedari kejadian itu kira-kira pukul 4.30 pagi selepas air memasuki rumah dan naik sehingga ke paras pinggang.

“Saya mengejutkan isteri dan anak-anak yang sedang tidur sebelum mengalihkan kenderaan. Semua peralatan elektrik rosak.

“Saya percaya kegiatan pembalakan, pembangunan serta masalah perparitan menyebabkan keadaan menjadi seteruk ini,” katanya.

Dalam pada itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor dan Pusat Perkhidmatan UMNO Bahagian Batang Kali memberi sumbangan makanan, minuman dan pakaian kepada lebih 1,000 mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan.